

WACANA PEMIKIRAN DAN PERADABAN UMMAH KE-4



سيمينر دعوة ناسيونل  
**Seminar Dakwah  
Nasional** 1433 H / 2012

**Tema:**

**Dakwah Islamiyyah Sebagai Kekuatan Ummah**

8 – 9 Oktober 2012 / 22 - 23 Dzul Qaedah 1433H

Dewan Merdeka, Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur

**Tajuk:**

**Dakwah Islamiyyah Dalam  
Mendepani Hegemoni Barat**

**Pembentang:**

**Prof. Dato' Dr. Sidek Baba**

**Anjuran:**



**Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT)**

**Dengan kerjasama:**

Akhbar Rasmi



TV Rasmi



Radio Rasmi



## DAKWAH ISLAMIYYAH DALAM MENDEPANI HEGEMONI BARAT.

**Prof. Dato' Dr. Sidek Baba**

**Profesor Pendidikan UIAM**

### MUKADDIMAH

Masakini berbagai orientasi dakwah terdapat dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran dan pengahayatan Islami. Ada yang memilih orientasi *haraki* (gerakan), terdapat juga yang memilih orientasi *siasi* (politik), berkembang juga orientasi “*tablighi*” dan tidak kurang juga cenderung ke arah orientasi *sufi* bagi mencapai keberkesanan dalam kefahaman dan amal Islami.

Sesetengah orientasi ini menyandarkan kepada jamaah atau gerakan yang terdapat di luar negara yang mempunyai orientasi, masalah dan cabaran yang tidak sama dengan apa yang terdapat di Malaysia. *Manhaj* atau kaedah Mesir umpamanya kalau ditinjau dari segi sejarah, budaya, situasi sosio-ekonomi ianya tidak sama dengan apa yang terdapat di Malaysia. *Manhaj* atau kaedah Indo-Pakistan juga tidak serupa dengan situasi sosio-politik-budaya di Malaysia. Malaysia adalah sebuah negara yang agak unik dan memerlukan suatu kaedah yang sesuai dengan latarbelakang sejarah, sosio-ekonomi dan pentadbirannya.

Isu yang berbangkit ialah kurang daya *tasamuh* atau tolak ansur dari segi pendekatan hingga menyebabkan polimik yang tidak terkawal wujud dan akhirnya gerakan dakwah hilang prioritinya. Tidak kurang di kalangan mereka mempunyai sifat *taasub* melihat jamaahnya saja yang hebat dan mewakili dan meremahkan jamaah lain hingga melahirkan rasa curiga yang tinggi. Perkara kedua yang berbangkit ialah menerima orientasi luar tanpa cuba menyesuaikan *uslub ad dakwah* dengan realiti setempat.

Faktor *waqi'* yang berorientasikan Malaysia perlu ada dan tidak semestinya prinsip al Quran diubah tetapi pengungkapan maksud al Quran itu dalam beberapa hal memerlukan pendekatan ke Malaysiaan dengan latar masyarakatnya berbilang dan upaya sosio-budaya-ekonominya tidak seimbang.

## **HEGEMONI BARAT**

Gerakan dakwah semasa tidak saja berdepan dengan masalah sesama jamaah dakwah tetapi juga hegemoni Barat dalam segala bidang. Barat yang sedang mendukung tamadun kebendaan menawarkan perkembangan ilmu, sains dan teknologi sebagai asas pengembangan pemikiran, gaya hidup, budaya popular dan media baru yang langsung memberi kesan terhadap umat Islam khususnya di kalangan generasi muda.

Ianya menghasilkan pemikiran liberal dan sekular dan menyebabkan makna hak asasi dan kebebasan berada dalam acuan di luar batasan nilai dan agama. Penjajahan pemikiran dan gaya hidup ini sedang menular dengan suburnya di kalangan orang-orang Islam dan menyebabkan jatidiri Islami hilang atau berada dipersimpangan.

Kuasa-kuasa Barat yang sedang melakukan hegemoni dalam pelbagai bentuk dan cara adalah kelangsungan strategi sejak mereka melakukan siri penjajahan di kalangan umat Islam. Hari ini umat Islam belum mampu bangun menampilkan gagasan Islam yang sifatnya berketamdunan dalam model dan sistem.

Umat Islam masih lagi dalam kerangka pengguna setia kepada kekuatan Barat dan belum mampu menjadi menyumbang bermakna kepada tamadun baru umat manusia. Produktiviti rohaniah kita kelihatan meningkat tetapi produktiviti amaliah kita relatif rendah. Ia menyebabkan dominasi ilmu dari Barat yang tidak berasaskan tasawwur Islami atau nilai-nilai alamiah yang bertunjangkan nilai dan etika yang tidak bercanggah dengan Islam tidak terjadi.

Meski terdapat aspek-aspek berbanding dalam sains dan teknologi yang boleh dimanfaatkan tetapi amat penting integrasi *high-tech* (teknologi tinggi) dan *high-*

*touch* (sentuhan keinsanan) dilakukan supaya kemajuan dan perubahan yang ingin dibangun nilai guna yang memberi kesan perubahan yang sifatnya manusiawi.

Oleh itu pendekatan dalam dakwah semasa harus dimulakan dengan mengukuhkan asas ilmu Islami dalam semua bidang dan lapangan. Integrasi dan Islamisasi ilmu yang sedang berjalan umpamanya harus mampu memberi perganjakan bijaksana supaya yang baik dari Barat dan Timur tidak kita tentang tetapi harus ada kemampuan dalam tradisi keilmuan kita untuk memberikan corak dan acuan Islami berasaskan tasawwur kita.

Kehebatan tamadun Islam pada masa lalu di tandai dengan faktor utama. Pertama, berlaku sinergi antara ulama dan umara'. Kedua, sifat ilmu yang berkembang amat integratif sifatnya. Ketiga, tradisi kencediakawanan dalam kaji-selidik dan penghasilan karya amat subur dan keempat, memanfaatkan ilmu berbanding dari sumber orang lain berlaku dengan bijaksana.

Negara umat Islam memiliki empat kekuatan yang kalau dapat digerakkan dengan baik, penuh strategik dan bijaksana ia bakal mampu mengimbangi hegemoni Barat. Pertama Islam itu adalah suatu sistem kepercayaan dan cara hidup. Kedua, umat Islam sudah pernah memiliki tamadun silap yang memerlukan daya reflektif yang tinggi. Ketiga jumlah umat Islam kini melepasi 1.5 bilion dan keempat, negara umat Islam memiliki sumber kekayaan hasil bumi yang banyak seperti minyak, gas, air bawah tanah, uradium dan thorium yang penting bagi membangunkan kekuatan ekonomi.

Sekiranya 1.5 bilion ini sebahagiannya di olah dalam sistem pendidikan yang tidak saja mampu membangunkan Ilmu Mengurus Diri dan Ilmu Mengurus Sistem bayangkan jenis sumber daya manusia yang bakal dibangun untuk mendepani hegemoni Barat.

Dalam konteks dakwah pula sekiranya asas ilmu dan pemikiran dibina, ilmu dan pemikiran berbanding ditekuni, metodologi dakwah diperkasa, jalur wehdah dirintis,

penulis percaya perubahan baru akan wujud dan kemampuan untuk mendepani hegemoni Barat boleh diatasi.

Justeru dalam konteks Malaysia “Manhaj Malizie” harus dibangunkan dengan bijak dan strategik supaya wujud perimbangan yang sihat antara ide-ide yang sifatnya alamiah dengan faktor setempat yang menuntut pemahaman.

### “MANHAJ MALIZIE”

Ini tidak bermakna tidak ada latar kesamaan antara Mesir dan Indo-Pakistan dengan apa yang terdapat di Malaysia. Dakwah Rasulullah SAW adalah sumber terbaik samada dari segi manhaj mahupun kekesanannya. “Manhaj Malizie” atau dakwah mengambil pendekatan keMalaysiaan amat perlu kerana orientasi masyarakat berbilang, kebebasan yang ada, pengaruh Islam dalam sistem, terdapat banyaknya lembaga dan institusi Islam di seluruh negara memungkinkan “Manhaj Malizie” mampu berperanan.

Pendekatan ke Malaysiaan ini mengambil kira peruntukan Islam dalam Perlembagaan Malaysia khususnya yang terdapat dalam bidang kuasa negeri. Sejarah perkembangan dakwah Islam sejak zaman Melaka sehingga kini dan pendekatan dinamik yang perlu ada bagi badan-badan dakwah melihat potensi yang terdapat samada di kalangan umat Melayu mahupun di kalangan yang Bukan Melayu atau Bukan Islam.

Isu yang sering berbangkit ialah tidak wujud secara terselaras pendekatan *wehdah* yang merintis jalan kerjasama dan peranan saling melengkapi hingga terhasil suatu kekuatan menangani realiti yang ada dan mencari *masalah* yang terbaik antara gagasan dan prinsip dengan faktor sosio-budaya yang terdapat supaya jalur bijaksana sentiasa dijadikan pedoman. Apalagi timbul pendakwaan bahawa “kami adalah jamaah terbaik” hingga menimbulkan persengketaan yang sia-sia dan sikap tertutup terhadap “kebaikan” orang lain. Natijah akhirnya ia boleh mendatangkan faham *jumud* dan *taasub* yang menyebabkan persengketaan dan salah-faham berterusan.

## DUSTUR DAKWAH

Allah SWT menganjurkan suatu *dustur* dakwah yang terbaik seperti yang terungkap dalam *Surah An Nahl* ayat 125 “ Serulah ke jalan Tuhanmu dengan cara yang bijaksana dengan pekerti teladan yang baik dan hujah-hujah yang terbaik dan meyakinkan”. *Dustur* atau kaedah dakwah ini amat relevan dalam realiti Malaysia. Sebagai dai’ dan murabbi, dihadapannya terdapat potensi mad’u atau orang yang hendak di dakwah dalam segala peringkat dan latarbelakang.

**Pertama**, kena ada sifat kasih sayang dan belas kasihan yang tinggi terhadap orang yang hendak di dakwah. Berdakwah dengan memberikan label dan sindiran boleh menyebabkan yang didakwah akan lari dan tidak tertarik dengan cara yang diambil. Kita harus menginsafi bahawa tidak semua orang yang didakwah memiliki latar pendidikan dan binaan keluarga yang baik. Sesetengah yang ingin kita dakwah adalah orang-orang yang cicir dalam keluarga, mengalami kelompangan hati dan kekeliruan minda. Orang-orang seperti ini mudah terdedah kepada kefasadan dan kemungkaran kerana tidak memiliki kesedaran rohaniah.

**Kedua**, apabila kita melihat kemungkaran atau ketidakbaikan yang dilakukan oleh seseorang, perbuatan itu tidak kita sertai. Tetapi jauh dalam lubuk hati kita terpancar rasa belas kasihan terhadap apa yang berlaku. Lalu datang gerak dalam hati untuk mendekatinya sebijaksana mungkin. Sekiranya pendekatan ini dilakukan bagi mengajaknya kembali ke jalan yang benar ada kemungkinan ia akan kembali kepada fitrah hidup semula. Sekiranya kejayaan ini ada ,bermakna ia tidak lagi terus menerus melakukan kemungkaran, sebaliknya sudah bersama dengan kita hidup dalam kemakrufan. Berdakwah tidak saja dengan silat lidah tetapi yang amat berkesan ialah silat hati. Hubungan hati dengan hati atas asas dakwah kerana Allah sering mengembalikan insan ke jalan yang benar. Mengambil pendekatan kasar, suka melabel dan gopoh selalu menyebabkan orang yang didakwah lari malah amalannya akan menjadi lebu teruk lagi.

**Ketiga**, melakukan dakwah perlu ada persiapan. Faham akan sasaran, tingkat pemikiran, rasa kesabaran dan kebijaksanaan, contoh teladan diri yang baik dan tidak mudah berputus asa. Harus ada sikap bahawa setiap yang ingin di dakwah ada potensi untuk berubah. Hal ini penting kerana cabaran dakwah tidaklah mudah tetapi

harus diingat melakukan dakwah adalah tugas dai' sebijaksana mungkin tetapi yang memberikan hidayah adalah Allah.

**Keempat**, kuasai ilmu pengetahuan dalam berbagai bidang khususnya ilmu-ilmu yang Islami, kerana jenis cabaran yang menghadapi masyarakat kini tidak saja rohaniah sifatnya tetapi perkembangan ilmu yang menjangkau ke daerah sains dan teknologi. Ilmu ini harus diolah dengan bijaksana bermula dengan mengukuhkan aqidah dan iman, ibadah dan syariah supaya terhasil akhlak yang baik.

### **DAKWAH BIL HAL**

Dakwah *bil hal* terhubung pada diri, organisasi dan sistem. Diri menjadi sumber dakwah sekiranya ilmu dan pekerti dijadikan sumber pedoman dan rujukan. Diri yang berilmu memandu jalur kehidupan supaya landasan aqidah dan syariah dijadikan pedoman utama dalam mengatur kehidupan. Diri yang mempunyai kemahiran, kepakaran dan keahlian mampu menjadikan seseorang berdaya maju, inovatif dan menawarkan yang terbaik untuk orang lain.

Ia juga terhubung dengan organisasi supaya *taklif* atau tanggungjawab dalam organisasi menyebabkan integriti subur, prestasi meningkat, produktiviti tinggi dan akhirnya kualiti perkhidmatan mendatangkan *barakah*. Asas ini sangat penting kerana proses membuat keputusan (syura) dibuat dengan baik dan mampu mencetuskan rasa kebersamaan, kekitaan dan kepunyaan. Pendekatan melaksanakan keputusan dibuat dengan rasa amanah yang tinggi dan natijah dari kerja tidak saja terdapat pulangan gaji dan kenaikan pangkat tetapi dengan ganjaran pahala dari Allah. Organisasi seperti ini menjadi sumber dakwah *bil hal* yang amat penting.

Umpamanya sebuah institusi Pengajian Tinggi ingin melakukan dakwah *bil hal* menerusi proses integrasi dan pengislaman ilmu. Integrasi dalam ilmu menjadi amat penting kerana dualisme dalam ilmu menyebabkan lahirnya personaliti yang memiliki orientasi ilmu yang berbeza dan menyebabkan ilmu tidak berdiri atas landasan *tasawwur* yang betul. Ianya menghasilkan konflik pemikiran dan amalan. Integrasi dan islamisasi ilmu menghubungkan faktor etika dan nilai yang Qurani dan Islami supaya sifatnya merentasi dalam setiap disiplin ilmu. Ianya amat penting kerana tanpa asas



nilai dan etika yang Qurani pedoman membangunkan organisasi akan hilang arah tujuanya. Jenis manusia yang bakal dilahirkan tidak holistik dan tidak mampu memperlihatkan kesyumulan Islam dan sifatnya mekanistik dan tidak terhubung dengan etika dan nilai dan ianya tidak menjadi sumber dakwah.

Apalagi keperluan dalam sistem yang menuntut kepimpinan dan kepengikutan teladan yang mampu menghasilkan sistem yang telus dan tulus. Sistem yang telus dan tulus boleh memberi kesan yang baik terhadap proses produktiviti, prestasi dan kualiti perkhidmatan yang baik dan menyebabkan budaya perkhidmatan menjadi cemerlang. Bila asas Bersih, Cekap dan Amanah dijadikan landasan kepimpinan dan kepengikutan, sistem mempunyai integriti yang cukup tinggi. Ia menjadi sumber dakwah yang terbaik untuk membangunkan sesebuah negara.

#### **MEMAHAMI KEUNIKAN MALAYSIA**

"Manhaj Malizie" mengajak para dai' dan murabbi, pendakwah-pendidik memahami tentang keunikan Malaysia supaya para pendakwah faham akan suasana yang membolehkan dakwah berkembang, kaedah yang tidak saja memantapkan aqidah dan iman tetapi mampu akhirnya menyuburkan ilmu yang dapat menjadi benteng mendepani cabaran perubahan dan kemajuan yang memerlukan acuan yang betul dan Islami. "Manhaj Malaysia" bukan sekadar menimbulkan keinsafan tentang pentingnya *akhlak karimah* disuburkan tetapi dengan kekuatan ilmu dan ketrampilan, ia memungkinan saluran alternatif diberi tidak saja dalam pembangunan ilmu tetapi juga dalam memberikan arah yang betul pemahaman tentang seni dan budaya supaya kemajuan yang berlaku sentiasa dalam acuan yang makruf. "Manhaj Malizie" mengambil pendekatan *wasatiah* atau sederhana sesuai dengan risalah Islam itu iaitu sejahtera.

Pendakwah dan pendidik harus sentiasa memiliki sikap berlapang dada untuk menerima kritik dan teguran dan jangan mengambil pendekatan radikal yang tidak serasi dengan resam budaya masyarakat dan boleh menyebabkan gerakkerja dakwah menjadi fitnah. Gerakkerja dakwah harus sentiasa dimurnikan dengan usaha-usaha dai' dan murabbi yang *istiqamah* terhadap perjuangan, yakin akan keberkesanan dan sentiasa berdoa kepada Allah untuk memohon kekuatan.



## **DAKWAH RASULULLAH BERASASKAN FATANAH.**

Salah satu sifat Rasulullah SAW ialah *fatamah* atau bijaksana. Dalam dakwah pendekatan bijaksana amatlah dituntut. Bijaksana mempunyai makna yang amat luas. Ia menghubungkan antara maksud idealisme dengan realiti (*waqie*). Ia mengaitkan faktor realiti dengan isu strategi. Bijaksana juga mengaitkan tahap kefahaman dan pemikiran orang yang di dakwah dengan pemikiran dan tahap pengetahuan para pendakwah.

Dakwah Rasulullah tidak sekadar kata-kata yang bersifat ajakan, nasihat, seruan dan peringatan terhadap sesuatu tetapi terlihat kepada kesabaran, kelembutan kata-kata, kesesuaian mad'u atau orang yang di dakwah, ketegasan menyatakan prinsip dan pedoman, kejelasan menyatakan yang maaruf dan mungkar.

Berdepan dengan Abu Jahal dan Abu Lahab, Rasulullah adalah amat tegas dengan persoalan aqidah. Bertemu dengan bapa saudaranya Abu Talib, Rasulullah amat lembut menyatakan kebenaran dan hak. Menghadapi karenah seorang perempuan Yahudi yang membencinya, Rasulullah amat sabar dan bijaksana sehingga perempuan itu kembali kepada fitrah.

## **SEJARAH DAKWAH DI DUNIA MELAYU**

Tetapi sifat zaman berubah dan faktor ruang sifatnya dinamik. Dakwah di dunia Melayu adalah amat unik. Keupayaan pendakwah mendekati Raja dan Penguasa berupaya mengembalikan mereka kepada fitrah. Perubahan yang berlaku kepada Raja dan Penguasa diikuti oleh rakyat jelata. Ianya adalah suatu kebijaksanaan. Pendakwah zaman silam amat memahami realiti kepercayaan masyarakat pada zaman itu. Fahaman Hindu dan Buddha, keyakinan rakyat jelata kepada faham *sharman* atau kuasa-kuasa ghaib terlihat dalam adat dan budaya, gaya hidup dan juga pemikiran.

Kehebatan pendakwah pada masa itu mampu mendekati ahli ilmu dengan makna iman dan takwa, mendekati karyawan tentang makna seni dan sastera, mendekati

ahli bahasa mengenai bahasa al Quran, menerima aspek-aspek budaya setempat yang tidak bercanggah dan menghasilkan kitab-kitab yang senafas dengan citarasa setempat.

Darinya lahir majlis-majlis ilmu mengenai aqidah dan ibadah, jenis puisi seperti pantun yang aslinya dari budaya Melayu, syair, gurindam, seloka, nazam, qitah dan prosa yang bersifat hikayat sebagai khazanah seni dan ilmu yang memperkaya pemikiran umat Melayu suatu ketika dulu.

Kebijaksanaan inilah juga menjadikan Islam semakin berkembang di dunia Melayu menghasilkan karyawan terbilang seperti penghasilan Hikayat Muhammad Ali Hanafiah, tokoh-tokoh tasawwuf seperti Hamzah Fansuri, Nuruddin al Nariri, Shamsuddin al Sumatrani dan Abdul Rauf Singkel dengan kitab-kitab besar masing-masing serta menghasilkan Sheikh Daud al Fatani dengan kitab-kitab feqahnya yang amat terkenal dan menjadi rujukan ulama'-ulama' terkemudian.

Tradisi ini akhirnya telah mampu menyerapkan ribuan istilah al Quran ke dalam bahasa Melayu sehingga sesetengah ilmunan mengatakan proses dakwah dan Islamisasi telah berjalan dengan baik di Alam Melayu sehingga menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa Islam.

Kekentalan tradisi dakwah dan Islam ini jugalah yang terbukti menjadi benteng yang amat ampuh menghadapi proses Salibiyah penjajah yang silih berganti berada di Alam Melayu untuk lebih empat ratus tahun. Makna Melayu amat sinonim atau disamakan dengan Islam dan orang-orang Islam di Alam Melayu adalah dari rumpun Melayu. Islam dan Melayu adalah sesuatu yang sehati dalam konteks agama, sejarah dan kebudayaan.

## **MENGISI MAKNA KEMERDEKAAN**

Selepas kita mencapai kemerdekaan, keperluan untuk mengisi makna kemerdekaan menjadi suatu cabaran. Malang sekali anakanak bangsa yang terpilih menjadikan Barat sumber membangunkan kekuatan baru ke arah kemajuan dan perubahan.

Proses pembaratan dalam bentuknya yang berbeza menjadi subur dan akhirnya menimbulkan konflik antara tradisi Islam yang sedia ada dengan pengaruh Barat yang semakin mengakar.

Ianya memberikan tindakbalas di kalangan yang sedar tentang pentingnya dakwah diperkasakan dan Islam dijadikan asas dan landasan hidup dan bernegara. Di waktu itu faham nasionalisme Melayu amat kuat tetapi elemen Islam tetap dianggap penting. Ahli-ahli politik, bahasa, kebudayaan dan ilmuan masih dalam kesedaran dan keinsafan bahawa faktor Islam adalah penting bagi survival Melayu. Berlakulah penyegaran Islam hingga menyebabkan dakwah berkembang dan minat generasi muda terhadap Islam di tahun-tahun 70an, 80an dan 90an berlaku dengan hebat sekali.

Tetapi suasana masyarakat di awal abad 21 sedang mengalami perubahan yang amat pesat dalam semua lapangan. Proses pembaratan yang berlaku diperkukuhkan lagi dengan strategi Globalisasi yang menyebabkan corak komunikasi dan telekomunikasi berubah, sistem maklumat dan keilmuan menjadi sejagat dan rangkaian internet, website dan weblog telah menjadi semakin dekat dengan masyarakat Malaysia khususnya di kalangan generasi muda.

Keadaan sebegini menyebabkan lahirnya kecenderungan baru dikalangan warga Malaysia untuk maju dan membangun. Di kalangan pendakwah berdepan dengan cabaran baru yang lebih sengit. Sesetengah orang Melayu tidak lagi terpicat dengan cara ceramah, khutbah, dakwah seperti yang berlaku pada tahun-tahun 70an, 80an dan 90an. Setengahnya mula terpaut dengan faham liberal akibat pengaruh Barat, materialisme dan konsumerisme yang semakin kuat khususnya di kalangan kelompok menengah Melayu. Di kalangan generasi mudanya sebahagian besarnya sudah mula terpicat dengan pengaruh budaya dan gaya hidup Barat menerusi pengaruh media letronik dan cetak yang memancarkan gaya hidup Barat yang lepas bebas.

Suatu aspek lain yang muncul ialah di sebalik usaha pengukuhan Islam dalam konteks pentadbiran Islam di Malaysia, mula muncul suara-suara di kalangan yang Bukan Islam tentang makna pluralisme yang baru dan pengungkitan kembali aspek-aspek teras dalam Perlembagaan negara dan ianya boleh menjejaskan hubungan antara kaum.

Oleh itu amat penting para pendakwah di abad ini mencari kebijaksanaan dalam mengambil pendekatan memilih kaedah yang terbaik dalam realiti yang pantas berubah. Pendekatan "bottom-up" harus diperkasa dengan memberikan strategi alternatif terhadap isu Islam. Ilmuan Islam samada yang lahir dalam orientasi Al Azhar, Jordan, Madinah, UIAM atau yang pernah belajar di Barat dan di Timur dan pernah terimbuai dengan gerakan dakwah dan jamaah seharusnya mencari jalan terbaik bagaimana cabaran keilmuan menjadi faktor utama yang bakal menentukan arah aliran perubahan dan pembangunan masa depan.

Jenis modal insan yang perlu dibangunkan harus memiliki upaya dan keseimbangan dalam memahami ilmu Islam, Barat dan Timur kemudian mengambil faedah berbanding dari Barat dan Timur untuk diperkasakan dalam Acuan Kita Sendiri. Inilah cabaran dakwah bijaksana di abad ini.

## **MENCARI KEBIJAKSANAAN**

"Manhaj Malizie" memberi fokus tentang memperkasakan **Umat Melayu** sebagai umat teras atau contoh. Dalam konteks Malaysia orang-orang Melayu dilihat sebagai mewakili umat Islam dan juga Islam itu sendiri. Al Quran dalam *Surah Ali 'Imran*, ayat 110. memberikan kita pedoman tentang maksud umat terbaik.

Konsep Melayu seiring dengan maksud Surah al Hujurat ayat 13 yang memberikan asas diciptakan bangsa-bangsa atas maksud *litaarrafu* sifat kekenalan yang mencetuskan perubahan, kesalingan dan tamadun. Pada hari ini para pendakwah tidak saja berdepan dengan masalah mengekalkan umat Melayu terus berada dalam fitrah tetapi pengaruh globalisasi yang berkembang di pelbagai dimensi menyebabkan proses liberalisasi dan sekularisasi berkembang dengan cepat. Tanpa suatu pendekatan dakwah yang dinamik kekuatan **Umat Melayu** sebagai umat teras akan beransur-ansur hilang. Dakwah secara lisan dan *dakwah bil hal* perlu disuburkan dalam keluarga, di lembaga pendidikan dan juga di Pusat Pengajian Tinggi supaya generasi penerus merasakan bahawa mewujudkan iklim dakwah yang subur di Malaysia adalah suatu tuntutan. Tanpa strategi ini kegiatan dakwah akan menjadi kegiatan terencil dan cabaran merosakkan generasi muda akan terus berkembang.

## **PENUTUP**

Hegemoni Barat terhadap umat Islam hanya boleh dihadapi dengan kekuatan ilmu dan penguasaan teknologi di samping integriti diri supaya acuan perubahan yang ingin dibawa tidak saja dengan binaan sistem rohaniah yang baik tetapi juga kemampuan menterjemah keunggulan Islam dalam sistem dan kehidupan.

## ARTIKEL MAJALAH DAKWAH

PROF. DATO' DR. SIDEK BABA,

PROFESOR PENDIDIKAN UIAM

### MEMPERKASA UMAT MELAYU

Melayu adalah bangsa yang Allah ciptakan seperti juga terciptanya bangsa-bangsa lain di muka bumi ini. Ianya selari dengan maksud al Quran dalam Surah al Hujurat, ayat 13 yang menyebutkan bahawa, “Allah mencipta manusia berpasang-pasang dan berbangsa-bangsa supaya berlaku “litaarrafu” atau dorongan kekenalan. Yang terbaik di kalangan mereka ialah orang-orang berjiwa muttaqeen atau takwa “.

Maksud ayat di atas memberikan kita pedoman bahawa bangsa Melayu itu adalah dicipta dan ianya suatu fitrah. Zaman-zaman terdahulu sehingga kini bangsa Melayu dalam pelbagai keturunan pernah menjadi Hindu dan Buddha. Hari ini orang Melayu umumnya beragama Islam dan akan datang bukan mustahil mereka bakal menganut faham sekular dan liberal dan melihat agama tidak penting dalam kehidupan.

Wujud polimik sekian lama di kalangan orang-orang Melayu bahawa Melayu itu *assabiyah* dan *kaumiyyah* dan menyebabkan perbalahan yang sia-sia hingga menyebabkan perpecahan pemikiran yang parah. Secara dakwah pendekatan ini merugikan. Mewujudkan garis pemisah yang tajam antara Melayu dan Islam menyebabkan ramai yang terjebak dalam kegemaran untuk melabel. Sedangkan wujudnya sesuatu bangsa itu harus didekati dan disantuni dengan bijaksana supaya akhirnya aqidah dan jiwanya, perkataan dan amalnya menjadikan Islam sebagai tunjangan.

Ianya boleh dilakukan menerima pendekatan ummatik yang memberikan tindakan Islam terhadap bangsa Melayu itu sendiri. Konsep umat memberikan makna yang cukup tersendiri bila dihubungkannya dengan bangsa Melayu. Al Quran telah memberikan asas yang jelas mengenai maksud *khayra ummah* dalam konteks umat manusia. Yang dikatakan umat terbaik ialah di kalangan mereka ialah yang sentiasa

memperjuangkan yang makruf, mencegah kemungkaran dan beriman kepada Allah (Maksud Surah Ali Imran : 110). Tiga asas pokok ini dalam konteks Islam adalah amat penting. Menghubungkan Umat Melayu dalam kaitan ini memberikan rupa dan makna Melayu sebagai suatu bangsa yang mempunyai dukungan nilai dan latar tamadun.

Sebagai suatu bangsa ia boleh diwarnakan dan dipengaruhi dengan apa saja. Zaman yang sifatnya berubah dan pengaruh semasa yang ada boleh menyebabkan suatu bangsa memilih budaya dan jalan hidup yang berbeza-beza. Sesuatu bangsa yang mulanya tidak dipengaruhi apa-apa, berubah dengan kehidupan semasa akibat pengaruh sekitar, sistem kepercayaan dan berkembang menjadi tradisi malah cara hidup.

Bangsa Melayu tidak dapat mengelak dari mengalami proses yang sama. Akhirnya Islam telah datang kepada bangsa Melayu. Kesan penerimaan Islam terhadap bangsa Melayu amat besar kerana ia menjadi sempadan keyakinan kepada yang tahyul dan khurafat kepada alam rasional dan intelek. Agama Islam telah memberi kesan pengaruh yang besar terhadap proses memperkasa bahasa Melayu, kebudayaan, cara berfikir dan cara hidup bangsa itu.

Konsep umat yang ditindikkan kepada bangsa Melayu menjadikan makna Umat Melayu amat unik dan memancarkan kekuatan. Bangsa Melayu yang dulunya penganut Hindu dan Buddha berubah mengenai konsep dan makna ketuhanan, manusia, kehidupan, ilmu dan kemajuan. Perubahan ini disandarkan kepada tamadun Islam yang gemilang dan memberi erti dalam semua dimensi. Memperteguh makna *khayra ummah* atau *ummatan wasata* atau umat pertengahan, ianya boleh menjadikan umat Melayu perkasa dalam semua lapangan.

Oleh itu sinergi konsep Umat Melayu memberi erti yang cukup tersendiri bagaimana suatu bangsa yang Allah ciptakan menjadi suatu bahagian dan maksud umat yang menghubungkan bangsa-bangsa lain di dunia. Suatu bangsa yang dibentuk oleh budaya sukakan yang *maaruf* bencikan *kemungkaran*. Tidak sekadar itu saja, bangsa Melayu menjadi sebageian dari tamadun Islam yang jauh lebih hebat dalam sejarah penghidupan umat manusia.



Dari perspektif Islam kemerdekaan jiwa sesuatu bangsa setelah menerima hakikat dan keyakinan bahawa “Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, dan Nabi Muhammad itu adalah PesuruhNya”. Hakikat ini memberikan landasan kepercayaan atau pun akidah dan akidah ini terpancar dalam keyakinan dan pemikiran dan dalam amal dan perbuatan. Asas inilah yang boleh menjadikan Umat Melayu sebagai umat pilihan, memiliki contoh yang boleh diteladani, pemimpin yang sifatnya menaungi dan memiliki ketangkasan berfikir dan bertindak atas landasan *adil wal ihsan*. Bangsa Melayu yang sifatnya tidak *ummatik* akan membina dirinya dalam lingkungan *kaumiyyah* yang sempit, tidak mampu menaja perubahan yang bermakna dan sukar untuk menerima hakikat kepelbagaian yang dicipta oleh Allah dan akhirnya hilang daya tahan dan daya saing dalam menghadapi persaingan terbuka.

Nasionalisme sempit yang menjadi tunjangan bangsa Melayu boleh mengakibatkan kekeliruan dan kecelaruan orang asing terhadap diri Melayu. Pancaran watak Melayu tidak memancarkan imej keislaman yang mendukung risalah *alamiah* sebaliknya rasa *kaumiyyah* jelas terpancar dan menyebabkan ikatan hubungan kemanusiaan tidak dilihat dalam konteks bangsa-bangsa tetapi sesuatu bangsa akan taasub dengan faham *kaumiyyahnya* dan ia boleh menyebabkan konflik.

Umat Melayu melihat hubungan kemanusiaan terbina dengan asas pemahaman terhadap tamadun. Masa lalu tamadun Islam menjadi penghubung kepada tamadun Barat dan Timur. Tamadun ini dilambangkan dengan kekuatan *ulama-ilmuan* dan *umara'* melakukan sinergi hingga menyebabkan lahirnya usaha penterjemahan ilmu-ilmu yang berbagai dalam tamadun Islam dan dimanfaatkan oleh bangsa Eropah. Hasil usaha ini telah menyebabkan lahirnya *renaissance*, *reformation* dan juga revolusi industri yang akhirnya menyebabkan kuasa-kuasa Eropah menjadi penakluk atas dalih ingin melakukan proses pencerahan dan celik tamadun.

Umat Melayu adalah sinergi menghubungkan sesuatu bangsa dengan segala keunikan yang ada padanya dengan maksud kemanusiaan yang lebih tinggi hasil perkembangan tamadun Islam. Dalam menghadapi karenah zaman dan ragam kehidupan, Umat Melayu melakukan reflektif tamadun terhadap kebangkitan silam

dan menjadikan contoh bagaimana ianya bangun berasaskan ilmu dan ketrampilan sehingga menyebabkan ianya mampu bertahan lebih 600 tahun.

Kekuatan maksud umat dalam membangun tamadun boleh dijadikan landasan bagaimana Umat Melayu boleh mengikuti jejak-jejak kehebatan silam secara lebih dekat menyebabkan Melayu sebagai suatu bangsa apabila ditindikkan dengan nilai yang sifatnya alamaiah menjadikan lebih maju dan bersedia menghadapi cabaran globalisasi yang berdiri atau kualiti modal insannya.

Menjadikan diri sebagai umat Melayu bukan bermakna menolak faktor-faktor bangsa seperti bahasa dan budaya yang positif dan menyumbang terhadap kekayaan tamadun Islam. Faktor bahasa Melayu umpamanya menerima kemasukan ribuan istilah al Quran dan bahasa Arab sehingga menyebabkan makna dari istilah tersebut memberikan *tasawwur* yang sifatnya Islami. Ianya menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa Islam. Bahasa Islam ini mempunyai kekuatan ilmu dan merintis jalan ke arah terbinanya tamadun. Kekuatan inilah yang dimiliki oleh umat Melayu sejak menerima Islam dalam kehidupannya.

Menjadi umat Melayu tidak sekadar kuat dalam bidang rohaniahnya. Kekuatan rohaniyah harus menjadi landasan yang mengangkat daya intelek dan kreativiti supaya minda Melayu terasnya adalah minda Islam. Minda Islam yang kreatif bakal mencetuskan ide-ide besar yang mampu menjana perubahan. Reflektif terhadap tamadun silam umat Islam di Baghdad dan Andalusia melahirkan tokoh-tokoh ilmunan yang berwibawa dalam berbagai bidang termasuk sains, perubatan dan matematik. Umat Melayu harus memberikan fokus dalam aspek ini disamping melakukan jihad bisnes yang dapat membimbing mereka menjadi umat yang kuat.

Di bumi orang-orang Islam termasuk di daerah umat Melayu Allah kurniakan sumber kekayaan yang banyak supaya umat Melayu boleh hidup sejahtera. Tanpa jiwa *ummatik* yang menuntut jiwa *tadabbur* atau kajiselidik dan daya juang yang tinggi tidak mungkin umat Melayu mampu melahirkan kepakaran dan keahlian. Keadaan ini menyebabkan orang lain melakukan eksploitasi atau mengambil kesempatan menguasai sumber-sumber yang kaya akibat kealpaan dan kekosongan daya juang untuk bersaing dan maju dengan bijaksana.

Memperkasa umat Melayu adalah proses islah yang meletakkan Islam sebagai dukungan terhadap kemajuan dan perubahan. Kekuatan Islam dari sudut ilmu dan tamadun mampu membimbing orang-orang Melayu untuk mara kehadapan tanpa menzalimi orang lain kerana prinsip *adil wal ihsan* akan sentiasa menjadi pedoman terbaik yang dianjurkan oleh ajaran Islam.

Strategi islah juga harus berlaku dalam memperkasa ilmu dan pendidikan. Ilmu yang integratif harus menjadi sandaran merubah kekuatan berfikir dan amal di kalangan generasi muda Melayu supaya jiwa *ummatik* akan sentiasa menjadi pendorong terhadap mereka untuk menjadi cemerlang. Tanpa kecemerlangan orang-orang Melayu bakal terpinggir kerana sifat zaman kini amat terbuka dalam semua perkara.

Generasi muda umat Melayu harus mewakili zamannya dengan gambaran yang memberikan harapan cerah pada masa depan. Meneliti tentang penyakit sosial yang menimpa generasi muda orang-orang Melayu kini berakibat amat rapuhnya jiwa mereka mendepani cabaran budaya popular dan budaya hedonistik dari Barat. Media cetak dan letronik, festival hiburan yang banyak menjadi sumber melekakan generasi muda hingga menyebabkan kekontangan jiwa dan minda hingga peribadinya mudah cair menghadapi himpitan hawa nafsu.

Generasi muda umat Melayu seharusnya mengukuhkan kekuatan rohaniah dalam penghayatan hidup. Penghayatan hidup umat Melayu seharusnya menginsafi bahawa tanpa jiwa yang hidup dan segar dengan sifat dayajuang yang tinggi yang dipandu oleh nilai-nilai rohaniah yang murni, orang-orang Melayu bakal menjadi penonton yang hampa dan kecewa bahawa perjuangannya berada dalam batas “menang sorak” tetapi pada hakikatnya “kampung sendiri tergadai”.

Menjana jiwa generasi muda umat Melayu dengan kekuatan Islam mampu memberi mereka erti hidup dan perjuangan, erti maruah dan keberanian, erti perubahan dan kemajuan dan mampu mengolah kemajuan dalam acuan sendiri. Ianya menuntut pemerksaan ilmu dan asuhan dan jiwa amanah yang tinggi sebagai hamba dan khalifah yang amat bererti bagi kesinambungan umat.

Umat Melayu hari depan dilihat pada kualiti modal insannya yang mampu menyungsung zaman. Jenis cabaran yang dihadapi tidak saja rohaniah sifatnya tetapi mempunyai kualiti pemikiran yang tinggi dengan kemahiran sains dan teknologi yang kompetatif. Oleh itu mengolah pendidikan generasi muda dalam lingkaran ilmu Mengurus Diri ( Fardhu Ain ) semata-mata tidak memadai. Ianya harus mampu dintegrasikan dengan ilmu Mengurus Sistem (Fardhu Kifayah) supaya ia mampu mencetuskan tamadun.

Jenis modal insan yang perlu dibangunkan semestinya kukuh dengan asas-asas rohaniah supaya ia tidak mudah cair dengan pengaruh budaya popular Barat dan dalam masa yang sama maju dalam sains dan teknologi supaya umat Melayu memiliki kekuatan untuk membangunkan perubahan berasaskan Acuan Sendiri.

Acuan Sendiri ini melihat teknologi selamanya alat bukan metlamat. Ia tidak anti-Barat semata-mata Barat itu Barat. Acuan Sendiri memerlukan daya kreatif dan kompetensi yang cemerlang disamping kepakaran yang tinggi dari faedah berbanding yang diperkongsi dan akhirnya menampilkan kemampuan yang baik menghasilkan perisian, program dan penerokaan nilaiguna teknologi yang memertabatkan kualiti manusia dan kemanusiaan.

Sejak mencapai kemerdekaan generasi muda di kalangan Umat Melayu memang dianjurkan untuk cemerlang dalam bidang ilmu dan kepakaran. Ramai di kalangan mereka yang cerdas dan terpilih dihantar membuat ijazah lanjutan di Barat, Asia Barat dan juga negara-negara Timur.

Bayangkan generasi terpilih ini sekiranya memiliki kekuatan rohaniah dan pemikiran yang Islami dapat mengongsi ilmu-ilmu bermanfaat dan berbanding dari pihak lain, ianya bakal menjadikan modal insan yang lebih global dan mampu bersaing di arus perdana. Mereka yang cemerlang ini harus diletakkan pada tempat-tempat yang strategik dan penting supaya kepakaran dan keahliannya menjadikan sistem lebih maju dan kukuh.